

Siaran Media

6 Januari 2021

George Town World Heritage Incorporated Memenangi Anugerah Amalan Teladan Terbaik Dalam Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya daripada UNESCO Chair Programme on Cultural Heritage and Risk Management

GEORGE TOWN: Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) Dr Ang Ming Chee telah memenangi Anugerah Amalan Teladan Terbaik dalam Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya daripada Institut Pengurangan Risiko Bencana bagi Bandar Warisan Budaya, Universiti Ritsumeikan, Kyoto, Jepun (R-DMUCH), dan Pusat Penyelidikan Antarabangsa bagi Pemeliharaan dan Pemulihan Harta Kebudayaan (ICCROM), daripada 152 profesional warisan di seluruh dunia.

Penganugerahan ini adalah berdasarkan projek 'Disaster Risk Management for George Town World Heritage City, Malaysia' yang dibentangkan semasa Bengkel Pengurusan Risiko mengenai Amalan Baik untuk Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya UNESCO yang dianjurkan oleh R-DMUCH dan ICCROM daripada 8 hingga 10 Oktober 2020. Bengkel ini bertujuan untuk menunjukkan amalan yang terbaik dalam pengurusan risiko bencana warisan budaya dan membincangkan hala tuju masa hadapan berdasarkan pelajaran yang dipelajari.

Anugerah Amalan Teladan Terbaik dalam Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya ini mengiktirafkan usaha GTWHI dalam meningkatkan daya tahan bencana Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town melalui program-program berasaskan komuniti. Program yang telah dijalankan melalui Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Bencana GTWHI termasuk usaha menambahbaikkan bahagian pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya dalam Rancangan Kawasan Khas George Town, pelaksanaan tujuh projek perintis melalui Latihan Kapasiti Pengurangan Risiko Bencana yang berasaskan komuniti sejak 2018, penubuhan pasukan tindak balas kecemasan untuk warisan budaya, latihan memadam kebakaran untuk masyarakat setempat, kempen kesedaran awam dalam pengurusan risiko bencana, latihan pertolongan cemas, latihan penggunaan alat defibrilator luaran automatik (AED), aktiviti pendidikan melalui siri poster Pengurusan Risiko Bencana dalam pelbagai bahasa, penubuhan Pasukan Pertolongan Cemas Warisan Budaya, pengedaran alat pemadam api dan pengesan asap secara percuma untuk penduduk dan peniaga dalam Tapak Warisan Dunia George Town, dan banyak lagi.

"Anugerah Amalan Teladan Terbaik ini adalah hasil kerja kolektif komuniti George Town yang telah menyokong usaha GTWHI selama ini. Jutaan terima kasih turut diucapkan kepada UNESCO, ICCROM, R-DMUCH, dan khususnya Lembaga Pengarah dan pasukan GTWHI yang telah memberikan amanah dan sokongan dalam menjadikan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town sebuah bandar warisan yang lebih berdaya tahan terhadap risiko bencana. Saya dan pasukan GTWHI akan terus berusaha dalam pengurusan Tapak Warisan Dunia George Town," Dr Ang melaporkan kepada YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang pada 4 Disember 2020, setelah menerima plak dan sijil dari Jepun.

Dalam Bengkel Pengurusan Risiko mengenai Amalan Baik untuk Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya UNESCO ini juga, Elena Mamani dari Albania dan Dulce María Grimaldi dari Mexico telah memenangi Anugerah Amalan Cemerlang. Antara finalis yang lain termasuk

Abdelhamid Salah Abdelhamid Sayed dari Mesir, Junko Mukai dan Dechen Tshering dari Jepun dan Bhutan, Vanessa Anne Tanner dari New Zealand, dan Marcela Hurtado dari Chile.

Dr Ang dan penerima anugerah telah menerima jemputan untuk menyumbang pengalaman dan ilmu dalam Kursus Latihan Antarabangsa (ITC) bagi Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya 2021. Projek yang telah dibentangkan juga akan dimuat naik di laman sesawang R-DMUCH dan ICCROM.

Sejak tahun 2006, seramai 152 peserta dari 62 negara telah menyertai Kursus Latihan Antarabangsa (ITC) bagi Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya yang dianjurkan oleh *UNESCO Chair Programme on Cultural Heritage and Risk Management*. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai program ini, sila lawati <https://bit.ly/348R839>.

/tamat

Kapsyen Foto (gambar dalam lampiran email):

GTWHI Exemplary Practice_1: Pembentangan oleh para finalis dalam Bengkel Pengurusan Risiko mengenai Amalan Baik untuk Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya yang dianjurkan oleh R-DMUCH dan ICCROM daripada 8 hingga 10 Oktober 2020.

GTWHI Exemplary Practice_1: Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow, dan Dr Ang Ming Chee dengan plak dan sijil Anugerah Amalan Teladan Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya pada 4 Disember 2020.

Untuk perhubungan media, sila hubungi:

Josephine Jalleh
Pengurus Bahagian Komunikasi dan Kolaborasi
George Town World Heritage Incorporated
017-446 5366, josephine@gtwhi.com.my
www.gtwhi.com.my